

UTHM anjur program tingkat kebolehpasaran graduan



LOKMAN HAKIM ISMAIL (tengah) menyampaikan cenderahati kepada wakil JobHouse Sdn. Bhd. sambil diperhatikan Khalid Isa (kiri) selepas pelaksanaan program GEAR kumpulan 3 di Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM, Johor, baru-baru ini.

JABATAN Kerjaya Pusat Pembangunan dan Pengembangan Pelajar (P3P) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan JobHouse Sdn. Bhd. telah melatih seramai 75 pelajar melalui program Kebolehpasaran Graduan - "Graduate Employability Awareness and Refinement (GEAR) Programme".

Program ini telah dilaksanakan dengan kerjasama Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) serta Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), di bawah peruntukan dana program Intervensi Kebolehpasaran Graduan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Menurut Dekan P3P UTHM, Prof. Madya **Dr. Lokman Hakim Ismail**, tujuan program ini dilaksanakan supaya graduan bukan sahaja mahir dari segi teknikal malah mahir dalam berkomunikasi dan pengurusan seperti mana yang diperlukan oleh industri.

"Program ini sekali gus membolehkan graduan UTHM meningkatkan kemahiran insaniah dan menambah nilai positif dalam membentuk personaliti pelajar agar menjadi graduan yang berkualiti dan memenuhi keperluan pasaran pekerjaan yang dinamik.

"Impak pelaksanaan program ini antaranya kesemua 75 pelajar yang terlibat telah ditawarkan pekerjaan semasa dan selepas program dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika pelaksanaan program GEAR kumpulan 3 di Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM, Johor, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Ketua Jabatan Kerjaya P3P UTHM, Dr. Khalid Isa.

Program ini telah dilaksanakan bermula dari tahun 2015, dengan kumpulan pertama pelajar telah dikendalikan oleh Pusat Kemajuan dan Hubungan Alumni (CARE) UTHM.